

24/11/1997

Usah rosakkan matlamat NEAC

KEBELAKANGAN ini ramai yang bercakap mengenai Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkannya Khamis lalu. Apa yang kita bimbangkan apabila terlalu ramai bercakap mengenainya boleh menimbulkan tafsiran yang pelbagai. Kita berpendapat dalam keadaan muram sekarang, kenyataan yang boleh menimbulkan salah tafsiran hendaklah dielakkan.

Adalah lebih baik mereka bercakap mengenai perkara yang berkaitan kementerian masing-masing saja daripada menyentuh perkara yang masih belum lengkap dirumuskan. Setakat ini anggota NEAC belum lagi dipilih secara muktamad. Mereka juga belum mengadakan mesyuarat pertamanya. Jadi atas alasan apa perkara ini perlu diheboh-hebohkan terlalu awal.

Kita faham sudah ramai menteri, pemimpin parti dan tokoh tertentu mendengar penjelasan Dr Mahathir mengenai NEAC. Sama ada dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), Kabinet dan taklimat yang diadakan, Dr Mahathir tentulah menjelaskan butir cadangan dan pelaksanaan secara umum. Mustahil beliau dapat memperincikan segalanya. Beliau mungkin menunggu waktu yang sesuai untuk mengumumkan setiap perkara yang perlu dilakukan menerusi NEAC.

Oleh itu, setakat ini, maklumat yang disampaikan oleh Dr Mahathir masih tertakluk kepada pelbagai tafsiran. Kita berharap mereka yang mempunyai kuasa untuk bercakap, tidak seharusnya terlalu cepat memanjangkan perkara itu kepada umum. Adalah lebih wajar mereka memberi kesempatan kepada Dr Mahathir menjelaskan perkara itu secara terperinci kepada rakyat terlebih dulu.

Kita percaya Dr Mahathir tidak melarang mereka bercakap mengenainya tetapi mereka seharusnya memilih perkara yang benar-benar mereka ketahui. Apa yang kita khuatiri, perkara yang dijelaskan Dr Mahathir hanya sejengkal tetapi mereka menyampaikannya kepada umum, mungkin sedepa. Rakyat yang memanjangkan maklumat yang diperolehi daripada seseorang menteri umpamanya, mungkin menokok tambah dan menyebabkan isu seperti itu melarat-larat. Sudah terbukti, dalam proses penyampaian maklumat yang tidak jelas akan menyebabkan penerima atau rakyat makin kabur. Kekaburan akan menyebabkan mereka membuat tafsiran sendiri. Jika mereka daripada golongan yang berfikir secara kritikal, pastinya timbul keraguan.

Apabila terlalu ramai yang bercakap mengenai perkara yang sama juga, tidak mustahil berlaku percanggahan fakta. Mungkin ada perkara yang boleh ditangguhkan pengumumannya, tetapi disebabkan peluang untuk bercakap terbuka luas, peluang itu digunakan sepenuhnya. Kita boleh bercakap mengenai sesuatu yang negatif, sekiranya kita yakin rakyat sudah bersedia menerimanya. Sebaliknya, jika pemikiran rakyat masih kabur, kita tidak seharusnya menimbulkan perasaan panik terhadap mereka. Isu jerebu sudah cukup menunjukkan berlaku percanggahan maklumat apabila setiap orang mahu bercakap mengenainya. Beberapa kenyataan mereka bertentangan dengan cara kerajaan melihat masalah jerebu.

Paling membimbangkan, kita tidak mahu dalam proses penyampaian maklumat, rakyat menganggap keadaan ekonomi negara sudah di luar kawalan. Mungkin ada pihak yang melihat Malaysia mungkin mengalami keadaan sebagaimana dialami beberapa negara jiran dalam jangka terdekat ini. Mereka mengandaikan giliran negara ini akan sampai pada bila-bila masa. Jika mereka boleh menafsirkan penubuhan NEAC sebagai langkah pencegahan, ia mungkin pandangan yang positif. Tetapi, jika ada yang menyifatkannya

sebagai langkah yang menunjukkan seolah-olah kerajaan dalam keadaan terdesak, tentulah ia menimbulkan keadaan yang tidak sihat.

Dr Mahathir, awal-awal lagi menjelaskan NEAC berfungsi agak berbeza dengan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Ini kerana beliau tidak mahu rakyat membuat tafsiran yang keterlaluan sehingga boleh menimbulkan keadaan yang tidak tenteram. Apakah setiap mereka yang memanjangkan maklumat seperti ini sedar implikasi yang mungkin timbul. Kita berharap setiap mereka bersabar untuk memanjangkan pendapat kepada rakyat, walaupun kita akui niat mereka adalah baik. Seandainya mereka bercadang menganjurkan sebarang kempen untuk memberi penjelasan kepada rakyat, kita berharap mereka tunggu sehingga Dr Mahathir melancarkan majlis itu. Kita tidak mahu program yang dirancang NEAC bercanggah dengan program kementerian atau jabatan yang dibuat atas daya usaha sendiri. Penjelasan mengenai ekonomi akibat kemerosotan nilai pasaran mata wang dan pasaran saham bukanlah kempen untuk meyakinkan rakyat mengenai Wawasan 2020 yang kita percaya kurang mempunyai kesan timbal balas segera.

(END)